

MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN BIL 1/2017
JABATAN TENAGA MANUSIA

Tarikh : 14 – 15 Februari 2017
Masa : 8.00 pagi – 5.00 petang
Tempat : Bilik Mesyuarat, ILP Kuala Lumpur
Pengerusi : Timbalan Ketua Pengarah
Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 PERUTUSAN PENERUSI

- 1.1** Pengerusi memulakan salam dan mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada mesyuarat ini. Pengerusi memaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan (MJPP) Bil 1/2017 ini bertujuan untuk mengesahkan keputusan akhir pelajar sesi keluaran 2/2016.

Makluman

- 1.2** Pengerusi memaklumkan bahawa jumlah pelajar yang akan disahkan keputusannya di dalam mesyuarat kali ini adalah lebih banyak berbanding keluaran sebelumnya iaitu melebihi 7000 orang pelajar.

Makluman

- 1.3** Pengerusi menyarankan agar pihak ILJTM mengambil inisiatif untuk membawa pengalaman industri ke institut memandangkan pendedahan Latihan Industri telah ditangguhkan pelaksanaannya.

Tindakan: Semua P(ILJTM)

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN BILANGAN 1/2016

- 2.1** Minit Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan bilangan 1/2017 disahkan tanpa pindaan.

Makluman

3.0 MAKLUMBALAS CATATAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN BILANGAN 2/2016

- 3.1** PP(KT) membentangkan catatan minit mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan bilangan 2/2016 seperti di **Lampiran 1**.

Makluman

- 3.2** Mesyaurat dimaklumkan satu mesyuarat penyelarasan dengan pihak JPK akan diadakan pada awal bulan Mac. Sebarang isu berkaitan JPK boleh dipanjangkan kepada KPP(KT) untuk dibawa ke dalam mesyuarat tersebut.

Makluman

- 3.3** P(ILP Miri) memaklumkan **permohonan pentauliahan program Tahap 4 Teknologi Telekomunikasi di ILP Miri telah ditolak kerana WIM tidak lengkap. Pengerusi menyarankan BKT membantu ILP Miri berkaitan isu ini.**

Tindakan: P(KT)

- 3.4** KPP(KT) memaklumkan jumlah kredit maksimum bagi pelajar yang ulang modul program Sijil adalah 19 kredit, manakala program Diploma 20 kredit memandangkan tempoh latihan telah berkurangan. Pihak ILJTM juga boleh merujuk panduan ulang modul subjek umum 2017 yang telah diedarkan pada semua ILJTM.

Makluman

- 3.5** Mesyuarat dimaklumkan Majlis Konvokesyen ILJTM 2017 adalah tertakluk kepada peruntukan dan masih belum diputuskan sama ada akan diadakan di peringkat wilayah mahu pun di ILJTM.

Makluman

- 3.6** Pengerusi meminta **P(ADTEC Melaka) dan P(ADTEC Batu Pahat) mendapatkan maklumbalas tindakan susulan daripada pihak CISCO berkenaan kertas kerja MoU yang telah dihantar sebelum ini.**

Tindakan: P(ADTEC Melaka) dan P(ADTEC Batu Pahat)

4.0 PEMBENTANGAN STATISTIK PELAJAR BERHENTI, TANGGUH DAN GAGAL BAGI KELUARAN SESI 1/2016

- 4.1** PP(KT) membentangkan Statistik Pelajar Berhenti, Tangguh dan Gagal bagi sesi keluaran 2/2016 seperti di **Lampiran 2**.

Makluman

5.0 LAPORAN VERIFIKASI PEGAWAI NAZIRAN 1/2016

- 5.1** PP(KT) membentangkan Verifikasi Pegawai Naziran 2/2016 seperti di **Lampiran 3**.
Makluman

- 5.2** Pengerusi memaklumkan perlu ada tindakan daripada maklum balas pengajar dan pelajar seperti yang dilaporkan di dalam Laporan Verifikasi Pegawai Naziran.

Tindakan: Semua P(ILJTM) berkenaan

- 5.3** P(ADTEC Kulim) memaklumkan penghawa dingin di ADTEC Kulim perlu diperbaiki bagi memastikan mesin CNC di bengkel tidak cepat rosak.
- 5.4** P(ADTEC Bintulu) memaklumkan ruang untuk kursus Teknologi Automotif adalah sempit. Bagi tujuan penambahbaikan, pihak ADTEC telah memindahkan sebahagian peralatan Automotif ke bengkel Komputer di Teknologi Komputer. Nama bengkel tersebut juga akan dipinda kepada bengkel Automotif.

Makluman

6.0 PEMBENTANGAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN AKHIR SESI 2/2016 OLEH JAWATANKUASA KEPAKARAN

Jawatankuasa Kepakaran Tek. Kimpalan:

- 6.1** Laporan Keputusan Peperiksaan Akhir Teknologi Kimpalan Sesi 2/2016 dibentangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kepakaran Teknologi Kimpalan seperti di **Lampiran 4**.

Makluman

- 6.2 Mesyuarat bersetuju dengan cadangan supaya proses Visual Inspection dilaksanakan bersama pengajar bengkel supaya pengajar boleh belajar dan buat penambahbaikan semasa pelaksanaan latihan.

Tindakan : P(ILJTM) dan CoSE Kimpalan

- 6.3 Mesyuarat diingatkan supaya mengikut prosedur yang telah ditetapkan untuk urusan pendaftaran WQT bagi mengelakkan sebarang isu di masa hadapan.

Makluman

Jawatankuasa Kepakaran Automotif:

- 6.4 Laporan Keputusan Peperiksaan Akhir Teknologi Automotif Sesi 2/2016 dibentangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kepakaran Teknologi Automotif seperti di **Lampiran 5**.

Makluman

- 6.5 Mesyuarat ambil maklum bahawa pengajar kursus Automotif di ILP Sandakan sedang menjalani kursus *In House Training* bersama pengajar pakar dari ILP pasir Gudang.

- 6.6 Mesyuarat dimaklumkan peralatan kursus Automotif di ILP Labuan telah dipindahkan ke ILP Sandakan. ILP Sandakan akan melaksanakan program Automotif sehingga tahap 2 terlebih dahulu dan pengambilan pelajar akan bermula pada sesi Januari 2018.

- 6.7 Mesyuarat dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Pembangunan Kurikulum Teknologi Automotif dalam proses semakan semula silibus Teknologi Automotif bagi membolehkan kursus ini didaftarkan sebagai program persijilan tunggal mengikut tahap.

Makluman

- 6.8 Mesyuarat dimaklumkan CoSE bagi bidang Teknologi Automotif akan dipengerusikan oleh Tuan Haji Mohd Abd. Fatah bin Mohd Ramly. Pihak ibu pejabat diminta untuk mengeluarkan surat lantikan tersebut.

Tindakan: P(KT)

Jawatankuasa Kepakaran Teknologi Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara:

- 6.9** Laporan Keputusan Peperiksaan Akhir Teknologi Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara Sesi 2/2016 dibentangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kepakaran Teknologi Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara seperti di **Lampiran 6.**

Makluman

- 6.10** Mesyuarat dimaklumkan bahawa ILP Miri baru sahaja menerima peralatan rooftop. Manakala ILP KT masih belum membuat perolehan peralatan ini kerana tiada peruntukan.

- 6.11** Pengerusi menyarankan agar soalan penilaian bagi Peperiksaan Akhir Amali Kursus Teknologi Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara diselaraskan agar standard pencapaian pelajar dapat diseragamkan.

Tindakan: P(ILJTM)

Jawatankuasa Kepakaran Teknologi Elektrik (ST dan EIU):

- 6.12** Laporan Keputusan Peperiksaan Kekompetenan Suruhanjaya Teknologi (ST) dan EIU dibentangkan oleh urusetia seperti di **Lampiran 7.**

Makluman

- 6.13** Mesyuarat dimaklumkan bahawa jabatan masih menunggu keputusan permohonan pentauliahkan bagi program kekompetenan B0 dari ADTEC Kemaman.

Makluman

- 6.14** Mesyuarat dimaklumkan bahawa pelaksanaan peperiksaan akhir sehingga kini terpaksa dibuat pada dua minggu berbeza untuk penilaian JTM/JPK dan penilaian ST kerana majority institut yang masih menawarkan program Teknologi Elektrik dengan persijilan kekompetenan PW2. Pengerusi menyarankan agar ILJTM yang masih menawarkan persijilan kekompetenan PW2 untuk menawarkan persijilan kekompetenan PW4. Pindaan persijilan ini lebih menjimatkan kerana peperiksaan teori dan amali untuk persijilan JPK, JTM & ST dapat dilaksanakan dalam minggu yang sama.

Tindakan: P(ILJTM) berkenaan dan Urusetia Jawatankuasa Kepakaran Elektrik

- 6.15 Pengerusi menyarankan agar pengeluaran sijil kekompetenan ST dipercepatkan. Urusetia memaklumkan bahawa pengeluaran sijil adalah mengikut agensi/jabatan dan bukan mengikut institut. Sehubungan itu, kerjasama semua ILJTM yang berkenaan dimohon untuk memastikan pengisian borang dan masukan data secara online dibuat dalam masa yang ditetapkan.

Tindakan: P(ILJTM) berkenaan

7.0 PEMBENTANGAN DAN PENGESAHAN KEPUTUSAN AKHIR PELAJAR DARIPADA PENGARAH-PENGARAH ILJTM

- 7.1 Pengarah membentangkan keputusan akhir pelajar keluaran Sesi 1/2016 kepada ahli mesyuarat untuk disahkan seperti di **Lampiran 8**.

Makluman

- 7.2 P (ADTEC Taiping) memaklumkan terdapat seorang pelajar DTK yang tangguh latihan disebabkan oleh masalah kesihatan. Pihak ADTEC Taiping memohon agar pelajar tersebut dipersijilkan DTP memandangkan pelajar tersebut tidak dapat menjalani Latihan Industri. Mesyuarat memutuskan agar perbincangan dibuat dengan pelajar tersebut untuk menjalani LI di institut memandangkan Sijil DTP tidak dapat dikeluarkan selagi syarat-syarat penilaian tidak dipenuhi.

Tindakan: P(ADTEC Taiping)

8.0 PEMBENTANGAN TAKLIMAT PENYEDIAAN TRANSKRIP DKM:

- 8.1 KPP(KT) membentangkan Taklimat Penyediaan Transkrip DKM seperti di **Lampiran 9**.
- 8.2 Mesyuarat bersetuju mana-mana pelajar yang melanjutkan latihan Tahap 4 di mana-mana ILJTM perlu mendapatkan maklumat keputusan bagi setiap modul di peringkat sijil dari institusi latihan kemahiran terdahulu.
- 8.3 Semua pengarah diminta memanjangkan maklumat mengenai penyediaan transkrip DKM kepada pelajar. Mana-mana pelajar peringkat diploma yang berminat untuk mendapatkan transkrip DKM boleh memohon kepada BKKL institut masing-masing.

Tindakan : P (ILJTM)

- 8.4** BKT akan membuat template khas berkenaan perincian markah kerja kursus untuk setiap modul bagi membantu pelajar mendapatkan transkrip ini.

Tindakan : P (KT)

- 8.5** Mesyuarat ambil maklum bahawa salinan borang T1003 perlu dimuatnaik ke dalam sistem semasa proses permohonan penyediaan transkrip dibuat.

Makluman

9.0 HAL-HAL LAIN

- 9.1** P(JMTI) memaklumkan pihak JMTI dengan kerjasama MTUN akan melaksanakan Program Master dengan pengalaman selama satu tahun bagi pelajar lepasan DTK khusus untuk pelajar Diploma Teknologi Pembuatan. Program ini adalah selama 4 tahun, di mana pelajar akan menjalani latihan selama setahun setengah di JMTI dan 2 tahun setengah pengajian di UTeM.

Makluman

- 9.2** P (KT) memaklumkan pihak ibu pejabat juga dalam proses semakan dokumentasi untuk menandatangani MoU dengan pihak UteM.

Makluman

- 9.3** KPP(KT)1 memaklumkan pengeluaran LO bagi tujuan pendaftaran SKM ditangguhkan sehingga Jun 2017 seperti yang diluluskan oleh pihak JPK.

Makluman

- 9.4** KPP(KT)1 memaklumkan Lawatan Verifikasi Pegawai Naziran bagi sesi 2/2017 akan dilaksanakan secara semakan silang dalaman oleh Pegawai naziran di ILJTM masing-masing bagi tujuan penjimatan.

Makluman

10.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Mesyuarat ditangguhkan dan pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua ahli mesyuarat.